

## SIARAN AKHBAR

Daripada Sylke Becker  
Telefon +49 69 756081-33  
Faks +49 69 756081-11  
E-mel s.becker@vdw.de

### **EMO Hannover 2013 – Peristiwa selari mengajukan trend teknologi perkilangan**

**Kuala Lumpur, 15 Januari 2013.** – EMO Hannover, pameran perdagangan pertukangan logam yang terunggul, membuka pintunya dari 16 hingga 21 September 2013. Inilah tempat pertemuan antarabangsa yang terbesar bagi apa sahaja yang berasaskan logam. Para pengilang dari seluruh dunia memperagakan produk, penyelesaian dan perkhidmatan masing-masing yang menawarkan cara menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri pengeluaran pada dekad ini.

“EMO Hannover bukan sahaja tempat pertemuan yang terpenting bagi mereka yang terlibat dengan pertukangan logam, baik pengilang mahupun pengguna, tetapi juga suatu forum maklumat dan acara yang menentukan trend,” kata Encik Christoph Miller, Pengarah Urusan EMO Hannover semasa sidang akhbar EMO pada 15 Januari 2013 di Kuala Lumpur, dan menambah lagi: “Pameran ini menangani isu-isu penting mengenai pertukangan logam untuk membantu industri ini maju ke hadapan.” Program pelbagai acara akan sekali lagi meliputi topik-topik teknologi dan perniagaan pada tahun 2013.

### **Persidangan EMO bertajuk, “Perkilangan yang lebih pintar”**

Sehubungan dengan cogan kata EMO pada tahun ini, iaitu “Kepintaran

Pengeluaran”, Persekutuan Kejuruteraan Jerman (VDMA) menganjurkan siri persidangannya pada tahun 2013 yang bertajuk, “Perkilangan yang lebih pintar” semasa EMO Hannover. Acara ini meninjau cabaran-cabaran yang menanti manusia, teknologi dan masyarakat. Antara topik yang diliputi ialah kecekapan dan kelestarian tenaga, Industri 4.0, atau kepintaran dan komunikasi perkilangan dan had-had ketepatan.

### **Blue Competence menggalakkan kecekapan penggunaan tenaga dalam bidang perkilangan**

Pada masa kini, kelestarian adalah antara keperluan asas yang terpenting untuk kemajuan dasar, perniagaan dan penyelidikan. Para pegawai politik, industri dan universiti memahami hal ini, dan telah pun mula melakukan perubahan. Perubahan paradigma sebegini besar juga banyak memerlukan penglibatan pihak perkilangan. Inilah sebabnya inisiatif “Blue Competence – Menjuruterakan dunia yang lebih sejahtera” dilancarkan oleh industri perkakas mesin Eropah dan sektor kejuruteraan mekanikal Jerman. Bagi kali keduanya, EMO Hannover menganjurkan petak Blue Competence untuk melengkapkan perbincangan semasa persidangan “Perkilangan yang lebih pintar”. Produk dan penyelesaian bagi perkilangan perindustrian yang cekap menggunakan tenaga dipamerkan di sini.

### **Persidangan EMO bertajuk, “Teknologi perkilangan baru dalam industri ruang angkasa”**

Teknologi-teknologi perkilangan baru dalam industri ruang angkasa disoroti semasa EMO Hannover 2013, iaitu persidangan dua hari yang dianjurkan bersama oleh Institut Teknologi Perkilangan Dan Perkakas Mesin Leibniz Universität Hannover dan Rangkaian Inovasi Perkakas Mesin Dan Inovasi Pemesinan yang berpangkalan di Varel, Jerman. Bagi kali yang ke-13, persidangan antarabangsa yang terkemuka ini menghimpunkan pakar industri dan penyelidikan untuk membincangkan perkembangan terkini dan cabaran masa depan. Pakar-pakar yang terkemuka dari seluruh dunia telah memanfaatkan peristiwa ini semasa EMO Hannover 2011.

**Acara istimewa bertajuk, “Inovasi semalam – hari ini – esok: penyelesaian proses yang berbaloi dengan kosnya untuk modul-modul kualiti”**

Syarikat-syarikat perkilangan bergantung pada penyelesaian proses yang menjimatkan kos untuk menjamin daya saing mereka. Rangkaian Inovasi Pemesinan dan ahli-ahlinya menunjukkan rupa penyelesaian menyeluruh yang inovatif dan praktikal bagi komponen-komponen berkualiti tinggi hari ini, menerangkan lagi persidangan EMO yang bertajuk, “Teknologi-teknologi perkilangan baru dalam industri ruang angkasa”. Khususnya yang istimewa ialah penyampaian sejarah proses inovasi yang berkenaan. Imbauan masa yang lepas menyerlahkan loncatan inovasi hingga mencapai teknologi perkilangan pada hari ini, dan perkembangannya pada masa hadapan. Para pengunjung dapat melihat beberapa penyelesaian terkini yang boleh digunakan serta-merta, di samping pencapaian besar yang akan melonjakkan lagi produktiviti pada masa hadapan.

**Tumpuan EMO terhadap India**

India adalah antara pasaran antarabangsa yang berkembang bagi industri perkakas mesin. Sepanjang lima tahun yang lepas sahaja, penggunaan perkakas mesin meningkat hampir 30 peratus kepada AS\$2.6 bilion pada tahun 2011. India kini menduduki tempat ketujuh dalam kalangan pasaran perkakas mesin. India juga pasaran import yang sama pentingnya yang menawarkan peluang-peluang perniagaan yang bagus bagi para pengilang perkakas mesin antarabangsa, dengan jumlah dagangan bernilai AS\$2 bilion dihasilkan pada tahun lepas oleh industri-industri pengguna seperti perkilangan kenderaan termasuklah industri-industri pembekalnya, sektor elektrik dan elektronik dan juga kejuruteraan mekanikal am. Namun begitu, perniagaan di India juga perlu mengambil kira beberapa perkara sewaktu mengeksport barangan atau menubuhkan syarikat di sana.

Berlatarkan keadaan sedemikianlah VDW (Persatuan Pembina Perkakas Mesin Jerman) menganjurkan tumpuan EMO terhadap India semasa EMO Hannover 2013. Para pakar membentangkan suasana ekonomi, politik,

undang-undang dan percukaian, di samping ciri-ciri yang spesifik mengenai jualan, perkhidmatan dan struktur pelanggan.

### **Enterprise Europe Network**

Sekali lagi, Enterprise Europe Network yang berpangkalan di Stuttgart menganjurkan beberapa pertemuan antara usahawan semasa EMO Hannover 2013. Pelantar dalam talian ini mengesyorkan rakan-rakan niaga yang sesuai bagi sesuatu topik sebelum bermulanya pameran perdagangan tersebut. Oleh sebab pihak-pihak yang berkenaan berkongsi kepentingan bersama, maka pertemuan yang terhasil itu berguna dan cekap. Setidak-tidaknya, itulah pendapat para peserta pertemuan usahawan pada tahun 2011. Lebih daripada 500 pertemuan dianjurkan oleh Enterprise Europe Network pada tahun tersebut antara 156 rakan niaga dari 25 buah negara. Mereka menjangka akan banyak menghasilkan usaha sama dan kontrak kelak.

### **Acara kerjaya untuk belia yang bertajuk, “Jurutera mekanikal – Kerjaya yang penuh kuasa”**

Industri perkakas mesin akan terus memerlukan para pekerja yang berkecayaan pada masa hadapan untuk mengekalkan dan meningkatkan kadar inovasi dan nilai bagi para pelanggan antarabangsa. Memandangkan demografi yang berubah-ubah dan minat yang berkurangan terhadap kerjaya teknikal, industri perkakas mesin Jerman telah mengambil pendekatan yang proaktif beberapa tahun dahulu. Pada tahun 2009, VDW menubuhkan yayasan belianya sendiri untuk mengambil tindakan yang mampu bertahan dalam bidang ini. Dengan cogan kata, “Jurutera mekanikal – Kerjaya yang penuh kuasa”, VDW bersama rakan industrinya dan juga sekolah dan universiti kerjaya menerima kunjungan 3,000 lebih anak muda dari sekolah biasa dan sekolah kerjaya ke EMO Hannover 2013. Inilah contoh bagaimana industri Jerman menangani isu yang dihadapi seluruh dunia di negara-negara perindustrian dan juga di negara-negara yang membangun. Tujuannya adalah untuk mengambil kesempatan ciri-ciri EMO, iaitu bertaraf antarabangsa, inovatif dan mempamerkan pelbagai teknologi perkilangan amali untuk menarik minat golongan belia tentang kerjaya teknikal dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Program pelbagai acara membolehkan golongan

belia mengalami teknologi dunia sebenar dengan dan melalui mesin-mesin. Yayasan belia VDW juga menawarkan lawatan berpandu untuk kumpulan-kumpulan khas dari sekolah. Para peserta boleh memerhatikan para pelatih menggunakan mesin-mesin, bertanya dan cuba melakukannya sendiri. Sasaran yaysan belia VDW dan syarikat-syarikat pempamer adalah untuk menarik penyertaan pekerja-pekerja baru yang berkelayakan dan berminat ke dalam industri tersebut.

### **Peneraju trend teknologi perkilangan**

“EMO Hannover sekali lagi diiringi program pelbagai acara yang menarik hati dan menyeluruh,” kata Encik Christoph Miller dari VDW. “Pertunjukan ini memberi ramai pengunjung dan pempamer idea-idea yang boleh dijadikan panduan pelbagai topik dan perbincangan yang penting bagi syarikat mereka sendiri,” tambah Encik Miller lagi. EMO menggariskan trend-trend yang akan datang dalam teknologi perkilangan. Ini benar bagi teknologi perkakas mesin dan juga bagi penyusunan strategi serta perkembangan pasaran. Topik dan trend yang telah ditonjolkan semasa EMO Hannover akan terus menjadi buah mulut orang ramai selama berminggu-minggu dan berbulan-bulan.

### **EMO Hannover 2013 – pameran perdagangan yang terunggul di dunia bagi sektor pertukangan logam**

Dari 16 hingga 21 September 2013, para pengilang teknologi pengeluaran antarabangsa akan mempamerkan “Kepintaran Pengeluaran” di EMO Hannover 2013. Pameran perdagangan yang terunggul di dunia bagi industri pertukangan logam ini akan mempersembahkan seluruh barisan teknologi pertukangan logam yang canggih, iaitu nadi setiap proses perkilangan perindustrian. Pameran ini akan membawa jentera terkini, penyelesaian yang cekap, perkhidmatan sokongan, kaedah mencapai kelestarian proses pengeluaran dan banyak lagi. Tumpuan utama EMO Hannover adalah pada perkakas mesin yang digunakan untuk memotong dan membentuk logam, sistem pengeluaran, perkakas persis tinggi, aliran bahan berautomasi, teknologi komputer, barangan elektronik perindustrian, dan aneka aksesori. Pengunjung ke EMO merangkumi setiap cabang utama industri, seperti pembuatan jentera dan kilang, industri automotif dan para pembekal komponennya, sektor ruang angkasa, mekanik dan optik persis, pembinaan kapal, teknologi perubatan, pembuatan perkakas dan acuan, serta pembinaan keluli dan pembinaan ringan. EMO Hannover ialah paksi antarabangsa yang terpenting bagi pakar teknologi pengeluaran seluruh dunia. EMO Hannover 2011 telah menampilkan 2,000 lebih pempamer dan menarik kira-kira 140,000 pengunjung dari 100 lebih negara. EMO ialah tanda dagang berdaftar Persatuan Industri Perkakas Mesin Eropah (CECIMO).

Teks dan imej sidang akhbar EMO boleh didapati dalam talian di [www.emo-hannover.de](http://www.emo-hannover.de). Anda juga boleh melayari EMO di halaman-halaman media sosial kami.

[http://twitter.com/EMO\\_HANNOVER](http://twitter.com/EMO_HANNOVER)



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradefair>



<http://linkedin.com/company/emo-hannover>



<http://www.cnc-arena.com/emohannover>

---